

Rabu, Feb 07 2018

10 peratus majikan gagal serah borang E - LHDN

um 7/2.

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Kira-kira 10 peratus majikan di negara ini bakal dikenakan tindakan termasuk dikompaun kerana gagal menyerahkan borang E secara e-Filing seperti yang diarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDN, Abdul Manap Dim berkata, setiap majikan perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dan menghantar borang tersebut secara dalam talian sebelum 31 Mac pada setiap tahun.

"Untuk tahun lalu kira-kira 10 peratus majikan daripada pelbagai sektor pekerjaan gagal menghantar borang E dan mereka akan dikenakan tindakan.

"Borang tersebut perlu dihantar secara dalam talian kerana kita tidak melaksanakannya secara manual seperti yang dibuat sebelum ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Percukaian di sini, hari ini.

Seminar tersebut dianjurkan LHDN dengan kerjasama Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan dihadiri kira-kira 253 majikan, pembayar cukai serta ejen



Untuk tahun lalu kira-kira 10 peratus majikan yang terdiri daripada pelbagai sektor pekerjaan gagal menghantar borang E dan mereka akan dikenakan tindakan."

ABDUL MANAP DIM

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDN

percukaian daripada pelbagai syarikat.

Yang turut hadir, Naib Presiden MEF, Prof. Dr. Michael Chiam Tow Hui dan Pengarah Eksekutif MEF, Datuk Shamsuddin Bardan.

Jelas Abdul Manap, berdasarkan rekod LHDN jumlah majikan yang gagal mengemukakan borang tersebut terus meningkat bermula 2014 sehingga 2016.

"Pada 2014 kita mengenal pasti sebanyak 81,969 majikan gagal menyerahkan borang E diikuti 88,751 pada 2015 dan

89,623 pada 2016.

"Ada majikan tidak mengemukakan borang kerana mempunyai masalah kakitangan atau memberhentikan operasi, namun mereka perlu faham dan mematuhi undang-undang kerana LHDN akan membuat pengauditan," katanya.

Tambahnya, seminar ini secara tidak langsung memberi kesedaran kepada majikan akan kepentingan menyerahkan borang E dan tanggungjawab mematuhi peraturan undang-undang percukaian.